

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**  
**[ Pengerang ]**

**SOALAN**

**DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [ Pengerang ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan antara langkah-langkah konkrit Kerajaan dalam menangani masalah harga minyak sawit semasa yang rendah sehingga menyebabkan ramai peladang sawit mengalami kerugian atau tidak mendapat pulangan modal serta apakah tanaman baharu yang mempunyai permintaan dan sesuai diusahakan oleh pekebun kecil sawit dalam mempelbagaikan tanaman.

**JAWAPAN**

Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah konkrit secara drastik untuk membantu menstabilkan kembali harga minyak sawit. Antara usaha yang telah mula menampakkan hasil adalah langkah peningkatan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan. Bagi sektor industri pula, Kerajaan telah melaksanakan Program Biodiesel B7 bermula 1 Julai 2019.

Implementasi program ini telah membantu meningkatkan penggunaan domestik minyak sawit negara dengan peningkatan sebanyak 761,000 tan. Langkah ini akan merancakkan lagi permintaan dan seterusnya mengukuhkan harga sawit. Pada masa ini, Kerajaan sedang dalam perancangan untuk meningkatkan adunan ini kepada B20 pada tahun 2020.

Selain itu, Kerajaan juga akan terus menjalankan misi-misi ekonomi dan lawatan teknikal bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara pengimport utama produk-produk sawit Malaysia. Kerajaan berkeyakinan melalui pendekatan hubungan mesra dan akrab dengan negara-negara luar, ianya akan memudahkan produk-produk sawit mendapat akses pasaran yang lebih meluas di negara-negara tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia pada tahun ini juga sedang mengetuai satu gabungan kerjasama bersama Indonesia dan Colombia menerusi Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (*Council of Palm Oil Producing Countries* atau CPOPC). Dalam hal ini, Kerajaan telah merangka beberapa strategi bersama Indonesia bagi mencari kaedah-kaedah yang bersesuaian untuk menangani isu-isu semasa berkaitan industri sawit.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga akan meneruskan strategi-strategi jangka masa panjang bagi mengukuhkan harga sawit yang merangkumi tindakan-tindakan berikut:

- i. memperkukuhkan pasaran eksport utama sedia ada terutamanya negara China, India, Pakistan, dan Amerika Syarikat serta mempromosi produk-produk sawit dengan lebih agresif bagi menembusi pasaran-pasaran baharu seperti di benua Afrika;
- ii. meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baharu serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran sawit; dan
- iii. meningkatkan akses pasaran yang lebih baik melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau.

Untuk mempelbagaikan tanaman dan mengurangkan kebergantungan pekebun kecil kepada hasil sawit, Kerajaan menggalakkan agar para pekebun melaksanakan integrasi tanaman bernilai tinggi yang mempunyai permintaan dan peluang pasaran yang

baik. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menjalankan pelbagai kajian bagi melihat kesesuaian dan daya maju integrasi tanaman untuk dilaksanakan oleh pekebun kecil bagi menambahkan pendapatan mereka. Terdapat pelbagai jenis integrasi tanaman selingan yang sesuai bermula selepas sawit ditanam sehingga pokok sawit berumur 3 tahun.

Tanaman seperti pisang, kacang tanah, nanas, tebu, keledak, tembikai, jagung, betik, sayur-sayuran dan lain-lain tanaman jangka pendek adalah sesuai ditanam di ruang-ruang yang kosong antara barisan sawit muda. Strategi memaksimuman penggunaan tanah ini dapat menjana pendapatan yang lumayan kepada pekebun kecil jika dilaksanakan secara sistematik.

Bagi membolehkan integrasi tanaman dengan sawit dijalankan ketika sawit telah matang iaitu berumur lebih 3 tahun, MPOB telah membangunkan sistem tanaman sawit dua baris kembar. Sistem ini dapat meningkatkan penembusan cahaya matahari dan ruang untuk pelaksanaan integrasi tanaman dengan sawit. Melalui sistem ini, integrasi tanaman boleh dilaksanakan dalam jangka masa yang panjang dan tidak terhad ketika umur sawit masih muda.

Sekian, terima kasih.